

Buletin Fakta

Buletin tahunan terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang memaparkan isu-isu berkaitan belia di Malaysia dan berkongsi tentang aktiviti-aktiviti kajian dan program yang dianjurkan

Menarik Edisi Ini

**Keupayaan belia
miliki rumah kian
mencabar**

**Ekonomi dan
kesejahteraan
mental**

**Kerajaan prihatin
keupayaan
ekonomi rakyat**

**Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia
(IYRES)**

Tel: 03-8871 3417

Faks: 03-8871 3342

E-mel: info@iyres.gov.my

Laman sesawang: www.iyres.gov.my



Cabaran belia miliki kediaman sendiri

Peningkatan harga rumah setiap tahun dilihat kian merunsingkan rakyat Malaysia. Keadaan ini dilihat menyukarkan golongan B40 dan M40 untuk miliki kediaman sendiri apatah lagi peningkatan ini dilihat tidak setara dengan pendapatan golongan tersebut. Hal ini menyebabkan ramai golongan belia 'terpaksa' menumpang kediaman keluarga dan menyewa untuk tempoh yang lama walaupun mereka berhasrat untuk memiliki kediaman sendiri.

Justeru itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan Kajian Keupayaan Pemilikan Rumah Dalam Kalangan Belia bagi mengenalpasti kemampuan dan kesediaan belia untuk memiliki kediaman sendiri.



Menumpang Kediaman Keluarga 'Pilihan' Belia Awal & Pertengahan

Kajian yang melibatkan seramai 4,116 orang responden yang terdiri daripada belia berumur antara 18 hingga 40 tahun ini melaporkan bahawa sejumlah besar responden iaitu **3,444 orang (84.0%) BELUM MILIKI KEDIAMAN SENDIRI** dan hanya 672 orang (16.0%) sahaja mencatatkan status pemilikan rumah sendiri.

Daripada 84.0% responden yang belum memiliki kediaman sendiri, **59.3% responden belia awal dan pertengahan** mencatatkan status **menumpang di kediaman keluarga** manakala **35.9% responden dewasa awal** mencatatkan status **menyewa** dan **4.7% lain-lain**.

Perkara ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana kebanyakan rumah yang dibina oleh pemaju adalah di luar kemampuan pembeli.

Oleh yang demikian, kos sara hidup yang tinggi, harga rumah berdasarkan kelayakan mampu milik kurang di pasaran, bayaran ansuran bulanan yang tinggi dan kelayakan membuat pinjaman perumahan adalah antara faktor utama yang menyumbang kepada cabaran dan isu pemilikan rumah terutamanya dalam kalangan belia.

Syor kajian

- Memperkasa sosio-ekonomi belia;
- Memperkasakan inisiatif dan strategi bagi memberi kesedaran mengenai pengetahuan kewangan dalam kalangan pelajar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi; dan
- Mengadakan One Stop Centre atau One Stop Website (*website/ platform*) yang mengumpulkan semua maklumat bagi belia memiliki rumah untuk memudahkan carian dan memberikan nasihat kewangan dan proses pemilikan.

Cadangan inisiatif kerajaan

Kerajaan adalah dicadangkan untuk:

- Memperkasa inisiatif dan strategi untuk memberi pendedahan kepada proses pemilikan rumah;
- Meningkatkan pendidikan Literasi Kewangan dan menambah program untuk memberi pendedahan kepada proses pemilikan rumah;
- Menambah Skim Perumahan mampu milik dan/ atau model pemilikan alternatif seperti *"rent-to-own"*.





Implikasi Covid-19 terhadap ekonomi dan kesejahteraan mental


Isu kesihatan mental bukan lagi asing dalam kalangan masyarakat apabila peningkatan kes kesihatan mental semakin membimbangkan di seluruh negara termasuklah di Malaysia.

Statistik Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 menunjukkan bahawa hampir setengah juta rakyat Malaysia mengalami kemurungan. Kajian ini mendedahkan secara terperinci yang mana **2.3% rakyat dewasa mengalami kemurungan** dan **7.9 peratus kanak-kanak berumur 5 hingga 15 tahun mengalami masalah kesihatan mental** pada usia muda.

Masalah ini dilihat semakin membimbangkan apabila seluruh dunia 'dilanda' pandemik COVID-19 dengan pelaksanaan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan PKP ini telah memberi impak yang cukup besar terhadap rakyat Malaysia terutamanya semasa PKP Fasa Pertama yang mana larangan ketat terhadap segala pergerakan, aktiviti perhimpunan dan penutupan semua institusi pendidikan dan hampir semua premis perniagaan dilaksanakan.

“Ramai rakyat Malaysia berdepan tekanan kewangan sehingga menjejaskan kesihatan mental. Penutupan sektor-sektor pekerjaan dan perniagaan telah menyebabkan tekanan sosioekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia.”

Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri



Sejumlah 33.8 juta penduduk Malaysia yang terdiri daripada **76.6% penduduk bandar** dan **23.4 % di luar bandar** terjejas akibat daripada pelaksanaan PKP (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Hal ini jelas menunjukkan kesan negatif terhadap perkembangan ekonomi negara sehingga menjejaskan keupayaan ekonomi individu dan secara tidak langsung ia menyumbang kepada peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia seperti masalah kewangan, kehilangan punca pendapatan, hilang pekerjaan, perubahan beban kerja, ketidakstabilan pekerjaan, pengangguran, bekerja dari rumah dan sebagainya.

Situasi ini membimbangkan pekerja terhadap masa depan syarikat/ organisasi dan kemungkinan mereka akan kehilangan pekerjaan jika penularan COVID-19 berterusan. Semua kebimbangan ini menyebabkan ketakutan, keresahan dan serangan panik.

Skor bagi Domain Ekonomi dalam Indeks Belia Malaysia 2021 (IBM'21) yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) juga **mencatatkan penurunan** iaitu **59.07 (Kurang memuaskan)** berbanding tahun **2020** iaitu **61.81 (Sederhana)**.

Dapatan ini selari dengan Kajian daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang melaporkan **peningkatan sebanyak 42% rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan pada suku pertama tahun 2020.**

“Salah satu penyebab utama peningkatan kes bunuh diri adalah faktor sosioekonomi seperti kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan yang menyebabkan individu mengalami tekanan melampau.”

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah

Kerajaan telah mewujudkan beberapa dasar dan program baru bagi usaha membantu ekonomi rakyat - Sinar Harian





Usaha kerajaan ke arah kesejahteraan ekonomi negara

Menyedari akan kepentingan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia, pihak kerajaan telah mewujudkan beberapa dasar dan program terkini bagi meningkatkan ekonomi rakyat sejak bermulanya pelaksanaan PKP. Salah satu matlamat pelan dan dasar yang dibangunkan adalah meningkatkan perkhidmatan kesihatan mental negara. Antaranya Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Perlindungan Ekonomi, Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Subsidi Upah (PSU), PenjanaKerjaya, Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG), Young Employable Student (YES), Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia, Inisiatif Semarak Niaga Keluarga Malaysia (SemarakNiaga) dan lain-lain.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan 2020-2025 pada Oktober 2020. Lapan strategi pelan ini melibatkan *Enhancing governance and regulatory framework; Strengthening mental health surveillance systems; Ensuring the availability and accessibility of comprehensive and quality mental health services; Strengthening mental health resources; Enhancing and nurturing intra- and inter-sectoral collaboration; Promoting mental health and wellbeing in all settings and target groups; Strengthening mental health preparedness and services during emergencies, crisis and disasters; dan Addressing suicide and suicidal behaviour.*



Walaupun usaha untuk mengatasi masalah kesihatan mental dilaksanakan secara berterusan, namun impak dari cabaran ekonomi masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya.



Profil IYRES

“

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan merupakan pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa (Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2001 (Akta 668))

”

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Dr. Vellapandian Ponnusamy

Penolong Ketua Pengarang

Pn. Shahhanim Yahya

Editor/ Pereka Grafik

Cik Siti Shazwani Md Yusooof

Penulis

Cik Siti Shazwani Md Yusooof

Puan Nur Diyana Nadirah Mohd Hadi

Cik Siti Hanna Aisya Noorazman

Ahmad Taufik Nursal

